

Meninjau sejarah arkeologi industri di Pulau Si Amil

ABSTRAK

Borneo Fishing Company (BFC) merupakan sebuah syarikat Jepun yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan tuna secara komersial di Borneo Utara. Operasi syarikat ini berpangkalan di Pulau Si Amil dan Pulau Banggi. Syarikat ini menyumbang kepada ekonomi maritim moden di Borneo Utara. Keberadaan syarikat ini di kedua buah pulau tersebut dalam dikesan hingga ke hari ini melalui tinggalan tapak bersejarah seperti landskap, bangunan dan peralatan. Makalah ini akan memfokuskan perbincangan mengenai tinggalan yang terdapat di tapak BFC pulau Si Amil, Semporna pertama beroperasi antara tahun 1931 hingga 1941. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kajian arkeologi industri bersumber rekod bertulis, tinggalan budaya, kajian lapangan dan temu bual. Diharapkan makalah ini dapat memberi gambaran kehidupan masyarakat dan pekerjaan mereka serta berpotensi untuk di komersialkan sebagai produk pelancongan bersejarah Semporna dan Sabah umumnya.